



**MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Monday 17 May 2004 (morning)

Lundi 17 mai 2004 (matin)

Lunes 17 de mayo de 2004 (mañana)

1 h 30 m

---

**TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

**LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.


**CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

**KERETA API EKSPRES LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR (KLIA)**

**RM 70**



**EKSPRES KLIA**

**hanya 28 minit dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa**

<b>Ekspres KLIA Tambang dalam RM</b>	<b>Dewasa</b>	<b>Kanak-kanak (2 – 12 tahun)</b>	<b>Warga Tua Malaysia (55 tahun &amp; ke atas)</b>
Perjalanan sehala	35	15	30
Pergi-balik	70	25	Tiada
Sambut & Hantar (pergi-balik)* <i>Sah untuk 6 jam sahaja</i>	50	20	Tiada
Penerbang Kerap <i>(Frequent Flyer)</i>	RM180 untuk 6 perjalanan, sah untuk 9 bulan dari tarikh dibeli		
Pelanggan Berkumpulan <i>Lebih daripada 10 orang</i>	Telefon Pejabat Jualan: 03 - 22678888		

*Bayi (bawah 2 tahun) percuma*

Tiket perjalanan sehala dan pergi-balik boleh dibeli melalui kaunter tiket dan mesin tiket di Terminal Udara Kuala Lumpur dan KLIA, agensi pelancongan dan hotel yang dilantik.

\* Tambang boleh dibeli di kaunter tiket sahaja

Kereta api pertama: 5.00 pagi, kereta api terakhir: 1.00 pagi. Perlepasan setiap 15 minit



*Pertanyaan Pelanggan 03 – 2267 8000  
www.KLIAekspres.com*

TEKS B

No. 38, Lorong Impian,  
Kampung Pasir Panjang,  
21100 Pasir Panjang,  
Kuala Terengganu,  
Terengganu,  
8 Ogos 2003.

Menemui yang dikasihi sahabatku Zarina, semoga sihat sejahtera selalu.

Saudari,

Maafkan saya kerana tidak mengirim berita sejak berpindah ke kampung ini dari bandar. Saya agak sibuk mengemas barang dan menguruskan hal-hal sekolah.

Untuk pengetahuan saudari, kehidupan di sini berbeza daripada kehidupan di bandar. Di sini, jiran-jiran saya baik. Kami saling bertanya khabar dan tololong-menolong. Di bandar, kadang-kadang kita tidak kenal akan jiran kita.

Pada minggu lepas, jiran kami, Mak Kiah mengadakan majlis perkahwinan anaknya. Saya dan keluarga turut dijemput. Majlis itu sangat meriah. Ramai jiran yang datang menolong Mak Kiah. Ada yang tololong memasak dan menghidangkan makanan. Sebagai adat di kampung, jiran-jiran lain pula tololong memberi bunga telor kepada tetamu.

Saya berharap saudari dapat ke sini suatu hari nanti. Saya akan membawa saudari berbasikal di kawasan kampung yang nyaman dan indah ini.

Akhir kata sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudari dan kawan-kawan kita di sana.

Sekian, terima kasih.

Sahabat mu.

*Noria*



## TEKS C

Alam sekitar amat perlu kepada manusia dan hidupan lain. Walaupun alam sekitar amat penting tetapi tidak ramai manusia yang faham mengapa alam sekitar perlu dijaga. Manusia ingin hidup dalam persekitaran yang bersih, selamat, dan terpelihara tetapi mereka tidak pernah memikirkan kesan aktiviti yang mereka lakukan terhadap alam sekitar.


Sejak zaman dahulu, sungai memainkan peranan yang penting kepada masyarakat luar bandar di Malaysia. Sungai digunakan sebagai sumber bekalan air, sumber pendapatan, sebagai jalan perhubungan dan juga untuk kegunaan harian. Kita juga tahu bahawa sungai-sungai di Malaysia merupakan habitat bagi beribu-ribu jenis ikan air tawar yang lazat dan berkhasiat.

Malangnya, kebanyakan sungai di Malaysia pada hari ini telah mengalami pencemaran yang amat teruk. Keadaan ini amat menyedihkan. Puncanya adalah daripada pembuangan sampah dan pembuangan sisa daripada kilang yang berlaku secara tidak terkawal. Akibatnya sungai menjadi cetek dan airnya kotor dan berbau. Pelbagai jenis ikan dan hidupan lain yang terdapat di dalam sungai mati. Air sungai tidak sesuai lagi untuk diminum, mencuci pakaian ataupun tempat untuk mandi-manda.

### DAHULU




### SEKARANG



**TEKS D**

***Cintailah Budaya Kita***



- Nikmatilah pementasan yang pasti menghiburkan, menarik hati, serta mampu mengusik perasaan anda.
- Anda pasti terhibur dengan nyanyian yang merdu dan gerak tari yang lemah-lembut.
- Marilah kita fahami dunia Mak Yong, seni teater tradisional Melayu masa dahulu.
- Saksikan persembahan Mak Yong ‘Raja Muda’, dipersembahkan secara langsung di Dewan Filharmonik PETRONAS oleh Kumpulan Mak Yong Seri Kelantan.

tarikh

Sabtu dan Ahad, 11 dan 12 Oktober 2003, jam 8.30 malam

Taraga tiket

Dewasa: RM30 Kanak-kanak: 7 – 12 tahun RM 20

- Tiket-tiket boleh ditempah dengan menghubungi nombor telefon 03-20779913, atau melalui e-mel: [dfp-boxoffice@petronas.com.my](mailto:dfp-boxoffice@petronas.com.my)
- Kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun tidak dibenarkan masuk.
- Para penonton digalakkan supaya berpakaian kemas.